

MODIS, VIIRS kesan titik panas di Sumatera

MUKADIMAH

JEREBU yang melanda negara sejak kebelakangan ini begitu meresahkan ramai pihak, lebih menambah duka apabila negara jiran, Indonesia tidak mengaku kejadian tersebut merupakan angkara mereka.

Mengapa perkara seperti ini masih lagi timbul walaupun sudah sekian berlaku, wartawan

AZRUL HAKIMIE ANUER

mendapatkan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **PROF. DR. MASTURA MAHMUD** untuk bertanya tentang isu ini.

5 Soalan



UTUSAN: Apakah benar dakwaan Indonesia bahawa jerebu bukan dari mereka sedangkan Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi mengakui ada tompok panas di negara tersebut?

MASTURA: Imej satelit MODIS dan VIIRS dari NASA (National Aeronautics and Space Administration) yang berpusat di Amerika Syarikat jelas menunjukkan bahawa terdapat titik panas berpunca di Sumatera dan Kalimantan pada ketika ini menyebabkan jerebu teruk melanda negara kita.

Perkara ini sudah berlanjutan lama mungkin sudah lebih 20 tahun, mengapa ia tetap berlaku?

MASTURA: Selagi kebakaran tanah gambut yang menghasilkan asap tebal berlaku, selagi

itu akan berlanjutan lagi saban tahun. Penguatkuasaan dan langkah pencegahan untuk memadam api serta denda harus dilaksanakan demi menjaga kualiti udara bersama kesejahteraan kehidupan rakyat negara dan negara jiran di rantau ASEAN.

Apa yang patut Malaysia lakukan terhadap Indonesia supaya masalah ini tidak berulang?

MASTURA: Kerjasama antara negara-negara terlibat di Asia Tenggara (Indonesia, Malaysia, Singapura) harus dipertingkatkan untuk bersama mencapai persetujuan dalam menangani masalah ini agar tidak berlanjutan selama beberapa bulan seperti pernah berlaku sebelum ini.

Sudah tiada kaedah lainkah dalam memusnahkan kelapa

sawit selain melakukan pembakaran?

MASTURA: Ada cara yang lebih lestari dan mesra alam untuk 'pertanian hijau'. Sebagai contoh, Malaysia telah melaksanakan 'zero burning' sejak sekian lama.

Harapan Prof. berhubung isu ini pada masa hadapan

MASTURA: Harapan saya agar penguatkuasaan lebih ketat dilakukan oleh setiap ahli anggota negara ASEAN. Sikap toleransi yang diamalkan sekarang ini mempunyai batasannya kerana rakyat terjejas daripada segi kesihatan dan kualiti udara.

Kos perubatan daripada mereka yang kesihatannya terjejas tetap ditanggung oleh individu itu tanpa pampasan dan agak membebankan kepada rakyat miskin.